

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MELAYU**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI RABU, 11 MAC 2026, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 12**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1551-L16093  
**Senator Datuk Rosni binti Sohar** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan strategi Kementerian dalam memastikan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) tidak sekadar meningkatkan pelaburan asing tetapi juga benar-benar meningkatkan pendapatan serta memperluas peluang ekonomi bagi belia, wanita dan perusahaan mikro, kecil dan sederhana tempatan serta mengelakkan manfaat tertumpu kepada syarikat besar sahaja.
2. PN-1551-L15587  
**Senator Tuan Azahar bin Hassan** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah insentif kewangan dan cukai diselaraskan untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi serta mewujudkan lebih banyak pekerjaan berpendapatan tinggi.
3. PN-1551-L15981  
**Senator Dato' Leong Ngah Ngah** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan merancang untuk menaik taraf Pelabuhan Kuantan agar ia mampu beroperasi sebagai pelabuhan kargo dan penumpang secara lebih menyeluruh setanding dengan pelabuhan-pelabuhan utama lain di negara ini.
4. PN-1551-L16360  
**Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah punca berlakunya keadaan sampah sarap yang berleluasa di sepanjang Lebuh raya Pan Borneo. Senaraikan kontraktor yang dilantik, nilai kontrak yang diberikan dan skop kerja sebenar, serta apakah langkah segera Kerajaan bagi memastikan tahap kebersihan dan keselamatan pengguna jalan raya dipelihara.

5. PN-1551-L16035

**Senator Puan Tiew Way Keng** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) mekanisme memantau projek sekolah baharu/naik taraf (terutama di kawasan pertumbuhan pesat Selangor) supaya tiada projek sakit dan tiada kelewatan kritikal; dan
- (b) garis panduan perlindungan murid daripada buli siber/penipuan dalam talian (termasuk literasi digital, modul AI/deepfake) yang akan diperkasakan pada 2026.

6. PN-1551-L16191

**Senator Tuan Michael Muih Lihan** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapakah jumlah keseluruhan koperasi di luar bandar Sarawak dari 2023 hingga 2025 yang telah dibatalkan, apakah sebab-sebab kegagalan koperasi tersebut dan apakah perancangan Kerajaan untuk menghidupkan semula koperasi tersebut.

7. PN-1551-L15681

**Senator Tuan Isaiah a/l D.Jacob** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan merancang untuk menaikkan kadar elaun bulanan kepada orang kurang upaya (OKU) yang tidak bekerja; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil atau dirancang bagi meningkatkan kadar elaun kepada pelajar-pelajar pendidikan khas, termasuk penjelasan mengenai jangka masa pelaksanaan serta mekanisme Kerajaan bagi memastikan kelestarian bantuan tersebut.

8. PN-1551-L16315

**Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status terkini pelaksanaan Dasar Industri Pertahanan Negara termasuk hala tuju strategik, keutamaan sektor serta sasaran jangka pendek dan jangka panjang dalam membangunkan industri pertahanan tempatan yang berdaya saing.

9. PN-1551-L16408

**Senator Datuk Nelson W Angang** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah senarai kawasan jalan dan kampung di Sabah yang telah dipasang lampu solar mengikut kuota projek Persekutuan dan apakah sebab masih terdapat jalan raya utama yang terlalu gelap.

10. PN-1551-L15937

**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan keberkesanan inisiatif subsidi taska dan sokongan penjagaan anak dalam menggalakkan wanita kembali bekerja.

11. PN-1551-L15800

**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan keberkesanan penguatkuasaan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 berikutan peningkatan insiden kebocoran data, penipuan kewangan dan kecurian identiti pada tahun 2025 serta apakah strategi Kementerian untuk memperkukuhkan keselamatan digital negara serta membendung peningkatan jenayah siber dan kerugian mencecah bilion ringgit.

12. PN-1551-L15943

**Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelan jangka panjang Kementerian bagi mengurangkan beban tugas bukan pengajaran guru yang menjejaskan kualiti PdP di sekolah.

13. PN-1551-L15667

**Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi menangani masalah kesesakan trafik yang serius dan berulang di laluan Kuala Lumpur-Seremban melalui Tol Sungai Besi, yang merupakan pintu masuk dan keluar utama ke Kuala Lumpur dari arah selatan dan sebaliknya.

14. PN-1551-L15583

**Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk meningkatkan penyertaan belia dan mengukur impak program belia terhadap penyertaan politik, kepimpinan dalam pengurusan organisasi dan integrasi komuniti di peringkat daerah memandangkan had umur belia telah diturunkan secara rasmi kepada bawah 30 tahun bermula tahun 2026.

15. PN-1551-L15974

**Senator Datuk Edward Linggu Bukut** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) berapakah bilangan kekosongan guru sebenar di Sabah mengikut opsyen kritikal seperti Bahasa Melayu, Matematik dan Pendidikan Khas serta berapakah peratus guru daripada Semenanjung yang telah ditempatkan di Sabah dan apakah pelan konkrit Kementerian untuk melahirkan serta mengekalkan guru tempatan Sabah dalam tempoh lima tahun akan datang; dan
- (b) bagaimanakah Kementerian menilai impak kekurangan guru dalam opsyen kritikal terhadap kualiti pendidikan di Sabah dan apakah langkah tambahan yang diambil seperti pengajaran jarak jauh atau penempatan guru sandaran bagi mengekalkan mutu pendidikan yang setanding dengan Semenanjung.

16. PN-1551-L16178

**Senator Tuan Robert Lau Hui Yew** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk meminda undang-undang sedia ada atau memperkenalkan undang-undang baru bagi mengawal jualan tiket konsert dalam talian demi kepentingan konsumer tempatan.

17. PN-1551-L16000

**Senator Puan Noorita binti Sual** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah peratusan M40 bandar yang tidak mempunyai simpanan kecemasan walaupun bekerja sepenuh masa, dan apakah implikasinya kepada kestabilan ekonomi negara ; dan
- (b) bagaimanakah Kerajaan mengesan kemiskinan bandar tersembunyi dalam kalangan M40 yang tidak layak menerima bantuan tetapi berhutang, tiada simpanan dan terdedah kepada kejutan ekonomi.

18. PN-1551-L16088

**Senator Datuk Rosni binti Sohar** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penilaian Kerajaan terhadap cadangan pengambilalihan IJM Corporation Berhad oleh Sunway Group khususnya dari perspektif kepentingan strategik pemilikan ekuiti ekonomi Bumiputera memandangkan hampir separuh pegangan saham IJM dimiliki oleh institusi pelaburan negara serta syarikat tersebut memiliki pelbagai aset strategik termasuk Pelabuhan Kuantan dan lebuhraya utama negara.

19. PN-1551-L15833

**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk mempertimbangkan supaya pencarum jangka panjang yang telah bersara sepenuhnya diberikan satu bentuk perlindungan persaraan asas melalui pertukaran caruman sedia ada sebagai satu prinsip keadilan sosial kepada mereka yang telah menyumbang selama puluhan tahun.

20. PN-1551-L15906

**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memperluas liputan internet dan perkhidmatan telekomunikasi yang berkualiti di perkampungan Orang Asli yang masih mengalami jurang akses digital.

21. PN-1551-L15573

**Senator Tuan Pele Peter Tinggom** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk menambah P-Turn di sepanjang Lebuhraya Pan Borneo terutamanya di laluan kawasan Parlimen P.205 Saratok yang mempunyai jarak yang sangat jauh antara satu persimpangan dengan yang lain.

22. PN-1551-L15586

**Senator Tuan Azahar bin Hassan** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah inisiatif fiskal yang disediakan untuk menyokong Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) menghadapi cabaran ekonomi semasa dan ketidaktentuan global.

23. PN-1551-L15550

**Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) apakah usaha Kementerian untuk memastikan keselamatan di sekolah-sekolah dapat dipertingkatkan agar mengekang elemen jenayah seperti buli, tekanan mental, rogol, bunuh dan bunuh diri daripada menular; dan
- (b) adakah dilakukan sebarang penyelidikan terhadap kes-kes yang berlaku dengan jadual persekolahan pasca-COVID19.

24. PN-1551-L16314  
**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menstruktur semula tadbir urus perolehan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) termasuk pemisahan kuasa antara operasi, kelulusan dan pemantauan kontrak, susulan pendedahan kes-kes yang mencalar integriti dan imej institusi pertahanan negara.
25. PN-1551-L16347  
**Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana pelaksanaan Belanjawan berasaskan prestasi dan nilai (value-based budgeting) dilaksanakan merentas Kementerian.
26. PN-1551-L15726  
**Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian bersama-sama dengan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam dalam menjamin tatacara dan kawal selia pelupusan bateri kenderaan elektrik kerana dilihat permintaan terhadap kenderaan elektrik ini semakin meningkat.
27. PN-1551-L16234  
**Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah usaha kerajaan dalam membantu golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) agar mereka berkecimpung dalam sektor keusahawanan dan adakah kerajaan bersedia untuk memberi suntikan dana bagi golongan ini memulakan perniagaan atau perkhidmatan mereka.
28. PN-1551-L16055  
**Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana Kerajaan merangka strategi untuk memanfaatkan *Artificial Intelligence* (AI) dalam pendidikan secara selamat dengan mekanisme yang efektif bagi mengawal penyebaran elemen-elemen negatif yang boleh merosakkan minda para pelajar sekolah.
29. PN-1551-L15867  
**Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah model gaji progresif ketika ini benar-benar meningkatkan pendapatan bersih selepas inflasi atau sekadar nominal.

30. PN-1551-L16127

**Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah perancangan dan langkah-langkah strategik yang dilaksanakan oleh Kementerian dalam memperkasa pembangunan perniagaan sosial sebagai mekanisme untuk meningkatkan pendapatan dan keupayaan berdikari golongan rentan termasuk wanita, ibu tunggal, orang kurang upaya dan keluarga B40.

31. PN-1551-L16152

**Senator Datuk Dr. Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh mana perancangan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) mengagihkan peruntukan tambahan RM100 juta bagi mengukuhkan Kemahiran Pekerja Gig dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bidang Teknologi *Electrical Vehicle*(EV), kecerdasan buatan dan teknologi digital agar jaminan jaringan sosial kumpulan pekerja ini mendapat perhatian wajar.

32. PN-1551-L15756

**Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah keberhasilan National Energy Transition Roadmap (NETR) setakat ini termasuk pencapaian kapasiti tenaga boleh diperbaharui, pelaksanaan projek perintis dan pengurangan kebergantungan kepada bahan api fosil.

33. PN-1551-L15609

**Senator Datuk Bobbey bin Suan** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah status kemajuan terkini projek di bawah Sabah Development Corridor (SDC).

34. PN-1551-L16339

**Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) berapa jumlah belia India yang menyertai program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan latihan kemahiran di bawah Kementerian bagi tahun terkini; dan
- (b) berapa kadar tamat latihan dan kebolehkeraan mereka, serta perbandingan pendapatan purata selepas bekerja dengan graduan kaum lain.

35. PN-1551-L15878  
**Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perkembangan projek membaik pulih sekolah-sekolah daif di seluruh negeri Kelantan sehingga kini.
36. PN-1551-L16193  
**Senator Tuan Robert Lau Hui Yew** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap pemadaman tanpa kebenaran domain malaysia.build oleh penyedia berasaskan Amerika Syarikat tanpa notifikasi, yang masih belum diselesaikan walaupun selepas 8 bulan eskalasi oleh pihak Malaysia yang berkenaan melalui *Internet Corporation for Assigned Names and Numbers* (ICANN), dan adakah Kementerian serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) akan membangkitkan isu ini di ICANN sebagai *systemic custodial failure* dan *digital trade barrier* yang menjejaskan kedaulatan serta keyakinan pelabur.
37. PN-1551-L15768  
**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hasil yang telah dikutip setakat ini daripada pelaksanaan cukai baharu sebanyak 2% ke atas pendapatan dividen yang diterima oleh pemegang saham individu.
38. PN-1551-L15890  
**Senator Tuan Che Alias bin Hamid** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan statistik kes kecurian kabel bagi tahun 2023 hingga 2025 serta status cadangan pindaan peruntukan undang-undang bagi mengenakan hukuman penjara dan denda yang lebih berat bagi mengekang jenayah ini.
39. PN-1551-L16281  
**Senator Puan Saraswathy a/p Kandasami** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah benar bahawa kesesakan di pelabuhan Malaysia dan sistem digital yang tidak stabil menyebabkan sesetengah syarikat pengangkutan memilih Singapura sebagai hub utama. Jika ya, apakah langkah konkrit untuk mengurangkan kesesakan pelabuhan, memperbaiki sistem digital dan prosedur serta meningkatkan daya saing pelabuhan Malaysia berbanding hub serantau.
40. PN-1551-L15960  
**Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah jaminan Kerajaan bahawa peralihan tenaga negara tidak akan membebankan isi rumah berpendapatan rendah.

41. PN-1551-L15632  
**Senator Tuan Isaiah a/l D.Jacob** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perkembangan terhadap usaha Kerajaan yang bercadang untuk memasukkan polisi pengambilan sekurang-kurangnya satu peratus (1%) pekerja Orang Kurang Upaya dalam sektor awam dan swasta ke dalam Akta Kerja 1955 bagi memastikan pelaksanaannya lebih berkesan dan menyeluruh.
42. PN-1551-L15804  
**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah bentuk pengurusan risiko yang telah dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) bagi memastikan kestabilan nilai ringgit serta daya tahan sistem kewangan negara dan apakah petunjuk prestasi utama (KPI) yang digunakan oleh BNM untuk menilai kejayaan pengurusan risiko ini.
43. PN-1551-L16375  
**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah asas pengiraan peruntukan Bantuan Awal Persekolahan (BAP) berjumlah RM800 juta dengan unjuran 5.2 juta penerima, termasuk pecahan penerima mengikut jenis sekolah dan negeri serta apakah pelan kapasiti perolehan dan pengedaran keperluan persekolahan bagi menyokong keluarga rentan.
44. PN-1551-L16236  
**Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah statistik kes pedofilia di Malaysia yang bermula daripada media sosial dan apakah langkah Kerajaan dalam mengekang masalah ini secara atas talian yang amat membimbangkan ramai ibu bapa di Malaysia.
45. PN-1551-L16052  
**Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan dalam memperkasakan kawal selia dan tatakelola perolehan aset tentera dan segala projek berkaitan dengan Kementerian Pertahanan yang ternyata terlalu lemah susulan terbongkarnya isu ketirisan dan rasuah di kalangan pegawai kanan angkatan tentera.
46. PN-1551-L16404  
**Senator Datuk Nelson W Angang** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah taska yang telah ditarik lesen operasi oleh Kementerian dan taska yang masih dibenarkan beroperasi selepas tahap keselamatan dan standard operasi diselia oleh Kementerian.

47. PN-1551-L16106

**Senator Dato' Wu Him Ven** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan :-

- (a) status pematuhan terkini penyedia platform media sosial terhadap Peruntukan Deeming (Seksyen 46A AKM 1998) dan sejauh manakah Kementerian berpuas hati dengan kualiti serta ketelusan pelbagai laporan wajib (seperti Pelan Keselamatan Dalam Talian, Laporan Ketelusan, Laporan Pematuhan Syarat Lesen, Laporan Audit Teknikal) yang dikemukakan bagi menjamin perlindungan kanak-kanak serta pencegahan buli siber; dan
- (b) adakah Kerajaan mewajibkan penyedia teknologi verifikasi umur perlu mematuhi piawaian antarabangsa ISO/IEC 27566-1:2025 dan IEEE 2089.1-2024 ditetapkan bagi menjamin privasi, ketepatan sistem serta kedaulatan data negara.

48. PN-1551-L16317

**Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pelan menyeluruh Kerajaan bagi meningkatkan kecekapan pengangkutan awam di bandar dan pinggir bandar serta mengurangkan kesesakan lalu lintas yang menjejaskan produktiviti dan kualiti hidup rakyat.

49. PN-1551-L16092

**Senator Dato' Wu Him Ven** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan :-

- (a) perincian pelan pelaburan RM45 bilion di bawah Tempoh Kawal Selia Keempat (RP4) oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi menaik taraf grid nasional, serta sejauh manakah infrastruktur ini mampu menampung beban tenaga daripada sektor berimpak tinggi seperti pusat data dan kilang semikonduktor; dan
- (b) status terkini pelaksanaan *Smart Grid* (Grid Pintar) termasuk pemasangan meter pintar (AMI) dan penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam sistem pengurusan pengagihan (ADMS) bagi meminimumkan gangguan bekalan elektrik (SAIDI) ke tahap bertaraf dunia dan langkah-langkah konkrit TNB dalam memperkukuh daya tahan grid terhadap bencana iklim seperti banjir besar, serta pelan pembangunan Sistem Stor Tenaga Bateri untuk menstabilkan voltan bagi industri pembuatan peranti sensitif.

50. PN-1551-L15822

**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah sokongan khusus yang disediakan oleh Kerajaan kepada industri kecil dan perusahaan desa berasaskan sumber tempatan di kawasan luar bandar Sarawak.

51. PN-1551-L16141

**Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mekanisme pemantauan bagi memastikan tindakan-tindakan mengurangkan kesesakan jalan raya semasa musim perayaan seperti larangan pergerakan kenderaan berat, pembekuan kerja penyelenggaraan, pengaktifan Multi Toll Lane dan pelaksanaan semua sistem berfungsi secara menyeluruh dijalankan dengan berkesan.

52. PN-1551-L15856

**Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan adakah Kerajaan melalui Radio Asyik FM bercadang untuk menambah slot siaran bahasa Orang Asli iaitu dalam dialek Suku Jahut, Semelai, Semaq Beri dan Bateq selain bahasa sedia ada seperti Semai, Temiar, Jakun dan Temuan bagi memperluas keterangkuman siaran kepada komuniti.

53. PN-1551-L16087

**Senator Datuk Rosni binti Sohar** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penilaian Kementerian terhadap keupayaan pelan asas Malaysia Health Insurance Takaful (MHIT) dalam meningkatkan perlindungan rakyat, mengambil kira deduktibel antara RM10,000 hingga RM15,000 tanpa had tahunan *copayment*, daya saing berbanding polisi sedia ada dan implikasi cadangan penggunaan simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) terhadap keselamatan dana persaraan penjarum.

54. PN-1551-L16128

**Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) bagaimana Kementerian menangani isu kemalangan jalan raya yang nampak seperti tiada jalan penyelesaiannya malah kadar kemalangan semakin meningkat saban tahun ; dan
- (b) adakah ini ada kaitannya dengan penguatkuasaan yang lemah dan isu ketirisan atau kekurangan aset berteknologi tinggi serta sumber manusia yang tidak mencukupi.

55. PN-1551-L16196

**Senator Tuan Michael Mujah Lihan** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan :-

- (a) perincian model ekonomi 'Made in Malaysia' kepada 'Made by Malaysia' dalam membantu usahawan tempatan; dan
- (b) apakah langkah strategik yang akan diperkenalkan Kementerian dalam mengukuhkan daya saing usahawan pedalaman dan luar bandar ke peringkat antarabangsa.

56. PN-1551-L16029

**Senator Puan Tiew Way Keng** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini pelaksanaan subsidi bersasar (termasuk mekanisme semakan kelayakan) dan langkah mengelakkan keciciran/ketirisan penerima, khususnya di Selangor.

57. PN-1551-L16388

**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tahap semasa isu kesihatan mental pelajar berdasarkan data terkini dan langkah Kementerian memperkenalkan pemeriksaan mental berjadual di sekolah.

58. PN-1551-L16250

**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah tambahan Kementerian bagi memastikan harga maksimum tambang penerbangan dapat diteruskan secara lebih meluas termasuk ke laluan domestik lain yang tinggi permintaannya semasa musim perayaan.

59. PN-1551-L16244

**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk memperluas program SARA kepada lebih banyak kedai kecil dan peniaga mikro bagi meningkatkan akses dan memberi manfaat kepada komuniti setempat.

60. PN-1551-L15673

**Senator Tuan Isaiah a/I D.Jacob** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah keseluruhan Sekolah Pendidikan Khas di seluruh Malaysia setakat ini, berdasarkan pecahan sekolah tersebut mengikut negeri dan kategori keperluan khas serta perancangan Kementerian untuk menambah bilangan Sekolah Pendidikan Khas atau memperluaskan kemudahan pendidikan khas bagi memenuhi keperluan murid OKU di seluruh negara; dan
- (b) apakah dasar, inisiatif dan langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memastikan akses pendidikan yang inklusif dan mesra orang kurang upaya (OKU), khususnya dari aspek kemudahan fizikal, bahan pembelajaran, kaedah pengajaran serta sokongan guru pendidikan khas di institusi pendidikan di bawah seliaan Kementerian.

61. PN-1551-L15831

**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan punca sebenar gangguan perkhidmatan sistem Aerotrain di KLIA Terminal 1 sejak Julai tahun lepas dan adakah spesifikasi Aerotrain semasa berbeza berbanding spesifikasi terdahulu.

62. PN-1551-L15832

**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menyerap sekolah-sekolah sukan di bawah aliran TVET Sukan memandangkan industri sukan mempunyai pengkhususan tersendiri seperti analisis teknologi sukan, tadbir urus sukan, data analisis sukan, pengurusan sukan, kecerdasan buatan untuk sukan dan bidang berkaitan lain.

63. PN-1551-L15972

**Senator Datuk Edward Linggu Bukut** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah sebenar pembayaran balik 40 peratus hasil Sabah yang telah disalurkan termasuk jadual masa pembayaran sebenar kepada Kerajaan Negeri; dan

- (b) apakah mekanisme pemantauan bebas yang telah diwujudkan untuk memastikan ketelusan, ketepatan dan penggunaan dana 40 peratus hasil Sabah termasuk penglibatan Audit Negara atau pihak ketiga bagi menilai aliran dana serta kepatuhan terhadap peruntukan Perjanjian Malaysia 1963.
64. PN-1551-L16214  
**Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian dalam memastikan graduan yang mempunyai ikhtisas pendidikan diberikan keutamaan dan penempatan dalam pengambilan guru pada setiap tahun memandangkan mereka sudah mempunyai ikhtisas dan tidak perlu mengambil diploma pendidikan lagi sebelum penempatan diberikan.
65. PN-1551-L16165  
**Senator Datuk Dr. Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kajian semula kadar pelepasan cukai pada tahun taksiran 2026 bagi individu dan tanggungan ekoran kenaikan kos sara hidup serta kadar perbelanjaan asas kehidupan wajar (PAKW) yang diterbitkan oleh Kementerian Ekonomi 2025.
66. PN-1551-L15892  
**Senator Tuan Che Alias bin Hamid** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tahap kesediaan infrastruktur fizikal, pelan latihan kompetensi guru serta perincian peruntukan kewangan bagi pelaksanaan kemasukan kanak-kanak lima tahun ke pra sekolah dan enam tahun ke tahun satu pada tahun 2027.
67. PN-1551-L16208  
**Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perincian Pelan Asas Insurans Perubatan dan Kesihatan serta Takaful (MHIT) yang diperkenalkan oleh Kerajaan bagi menyediakan perlindungan mampu milik dan mampan dalam kalangan rakyat.
68. PN-1551-L16433  
**Senator Dr. Jufitri bin Joha** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kerajaan bercadang membuat penilaian semula syarat-syarat penerima bantuan Jabatan Kabajikan Masyarakat (JKM) memandangkan kemiskinan adalah sangat relatif.

69. PN-1551-L15766

**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil bagi memperbaiki kelemahan atau kelompongan dalam sistem perolehan untuk memastikan pematuhan dan ketelusan sepenuhnya berikutan pembekuan keputusan perolehan Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia.

70. PN-1551-L15774

**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) ketersediaan guru-guru dan kapasiti bilik darjah bagi pelaksanaan kemasukan pelajar baru Tahun 1 pada umur enam tahun pada 2027; dan
- (b) langkah-langkah persediaan yang akan dilaksanakan mulai sekarang.

71. PN-1551-L15661

**Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan bagi membantu mengatasi masalah banjir yang sering melanda negeri Selangor termasuklah ibu negeri Shah Alam dan kawasan sekitarnya.

72. PN-1551-L16345

**Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kesan sebenar peluasan cukai tidak langsung (SST dan duti tertentu) terhadap kos sara hidup rakyat, khususnya golongan M40 dan B40.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. ( D.R.2/2026 ) Rang Undang-undang Pemberian Mengikut Bilangan Orang 2026 **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[ Menteri Kewangan ]**

2. ( D.R.33/2025 ) Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[ Menteri Sumber Manusia ]**